



# KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

## **AMARAN LHDNM BERKENAAN E-MEL DAN SISTEM PESANAN RINGKAS (SMS) PALSU BR1M**

Cyberjaya, 17 Oktober – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah menerima pertanyaan daripada pemohon dan penerima Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) yang mendakwa dihubungi secara e-mel atau pesanan ringkas (SMS) berkaitan BR1M daripada seorang individu yang menyamar sebagai pegawai LHDNM (BR1M) yang menawarkan langganan insurans BR1M (i-BR1M) atau membuat semakan status kelulusan BR1M.



**LHDNM mengesahkan bahawa pihak kami TIDAK mengeluarkan apa-apa e-mel atau pesanan ringkas melalui pegawai LHDNM (secara individu) kepada pemohon atau penerima BR1M.**

Justeru, kami menasihatkan semua penerima e-mel dan sms palsu tersebut agar menghapuskannya dan tidak memberikan sebarang maklum balas terhadap apa-apa arahan yang terkandung di dalamnya.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi talian bebas tol 1-800-88-2716 (BR1M) atau layari <https://ebr1m.hasil.gov.my/>

Kenyataan Media LHDNM, 17 Oktober 2014

Sampel sms yang telah diterima:



###

**SEKIAN, TERIMA KASIH**

**HASiL** Teman Keceriaan Anda

---

Dikeluarkan oleh:

**Masrun Bin Maslim | Pegawai Perhubungan Awam (Media)**

**Bahagian Komunikasi Korporat | Jabatan Khidmat Korporat | Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21326 / 21354 | 📠 : 03-8313 7836

Pusat Panggilan : 1-800-88-5436 (LHDN) | Laman Web : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh : 17 Oktober 2014**

Kenyataan Media LHDNM, 17 Oktober 2014